

TM

inSPIRED

richworks.com/inspired

BUSINESS
TALK

5

JENAMA FESYEN
MEWAH PALING
POPULAR DI
DUNIA



NOR
ZAM ZAM
MENGALAH BUKAN JALANNYA

RICHWORKS™
Di Sini Lahirnya
Usahawan Jutawan

18 OGOS 2023 | BIL: 14
WWW.RICHWORKS.COM

TAK ADA ILMU PERNIAGAAN

Pengalaman hampir 20 tahun dalam bidang perakaunan tidak menjamin bisnes yang dilakukan boleh berjaya

Perniagaan ini tidak akan boleh berjalan dengan baik jika tiada pemikiran yang betul, tingkah laku dan tindakan yang berterusan tanpa kenal erti putus asa.

Begitulah yang dihadapi oleh Ketua Pegawai Eksekutif ZAMZAM Corporate Services Sdn. Bhd., Nor Zam Zam Ibrahim pada 15 tahun dulu.

Situasi itu berlaku apabila beliau melakukan bisnes yang bukan mengikut kepakaran yang dimiliki.

“Berniaga tidak ada ilmu, ‘syok’ sendiri hingga berhutang ratusan ribu ringgit dengan kesilapan demi kesilapan dilakukan menjadi sejarah hitam dalam hidup saya.

“Sampaikan rumah hampir dilelong. Ketika itu anak telefon saya beritahu rumah yang dihuni hendak dilelong dan terpaksa mencari rumah kedai tingkat atas untuk disewa,” imbaunya lagi.

Waktu itu, nama beliau disenarai hitamkan dan nama bekas suami sebagai penjamin juga terpalit sama hingga mereka berpisah selepas itu.

“Waktu itu memang ibarat nak lemas di tengah lautan.

“Saya kerja dan buat bermacam-macam bisnes sambilan seperti insurans tapi tiada kebebasan masa dan kewangan. Dalam hati ini sebenarnya sudah takut nak buat bisnes,” ujarnya.

PERTEMUAN DENGAN RICHWORKS

Selepas bercerai, Nor Zam Zam seperti hilang arah dan jiwanya seakan ‘terbang’ tanpa hala tuju.

“Pasukan insurans yang saya serta pada masa itu ajak ke program Nak Ubah Hidup (NUH) pada bulan Ogos 2019. Mereka mahu bantu saya untuk bangkit dan dapatkan fokus pada insurans tapi saya nampak perkara lain.

“Saya cuba bagi peluang kepada diri dan nak cari balik keyakinan diri yang telah hilang. Bayangkan ketika program itu saya migrain, duduk di tepi dewan dan menangis bila mengikut NUH,” luahnya.

Selepas mengikuti program itu, beliau mula temui sinar di hujung terowong dan mengambil keputusan untuk mengikuti program Millionaire Marketing Mastery (MMM) dengan membayar terus wang pendahuluan sebanyak RM1000 meskipun tidak begitu berkemampuan pada saat itu.

Bukan itu saja, beliau juga sanggup meminjam RM4000 daripada ketua seksyen di tempat kerja lamanya bagi melunaskan yuran kelas yang disertai.

"Waktu itu saya gunakan duit bonus yang diterima dan gadaikan harta untuk belajar.

"Saya tekad sebab mana tahu inilah peluang untuk bangkit dan saya nekad jika tiada rezeki dalam bidang ini mungkin jalan hidup saya sudah ditakdirkan untuk hanya bekerja," tegasnya.

SOKONGAN ORANG DI SEKELILING

Bila kita susah, tiada orang nak dekat dengan kita. Situasi itu dihadapi Nor Zam Zam ketika beliau cuba bangkit kembali.

"Siapa yang nak tolong pinjamkan duit, orang sudah hilang kepercayaan.

"Saya tak kisah dan terus belajar dalam program itu hingga dapat *clarity* daripada Mentor Usahawan, Datuk Wira Dr. Azizan Osman untuk melakukan bisnes sendiri dengan menawarkan perkhidmatan sebagai *freelancer accountant*," ujarnya.

Pada hari keempat dalam kelas, beliau memberanikan untuk bercakap dengan Dr. Azizan selepas buat solat taubat dan hajat bagi meminta kejelasan daripada Allah untuk menjalankan bisnes.

"Saya bercakap dan Dr. Azizan bagi tip iaitu saya kena buat pemasaran 'gila'.

Ia buatkan saya nekad untuk jalankan perkhidmatan akauntan secara sepenuh masa dan saya memberanikan untuk letak jawatan kerana hendak berikan fokus sepenuhnya.

"Saya bertemu dengan kawan baik yang sudah berada dalam industri *freelance accountant*. Selama tiga tahun, 'pejabat' kami hanya beroperasi di restoran McDonald's dan Old Town di Kuala Lumpur," kongsinya.

Beliau teruskan usaha dan belajar dengan sepenuh hati ketika mengikuti kelas Entrepreneur Foundation Programme (EFP) yang dikendalikan oleh Tuan Haji Nasrul Hadi Shukran.

Dipendekkan cerita, Nor Zam Zam beritahu bahawa beliau dinasihatkan untuk memiliki pejabat sendiri supaya orang lebih percaya dan nampak.

Banyak sokongan yang diperoleh daripada RichWorks dan perubahan mula berlaku.

BERMULA DENGAN SEWA MEJA

Daripada pejabat yang beroperasi di meja makan, situasinya perlahan-lahan bertukar apabila beliau mula menyewa meja di pejabat orang.

"Alhamdulillah jualan mula mencecah RM20,000 dan kemudian meningkat lagi hingga membuatkan saya tetapkan hati untuk sertai pementoran Spire.



Pada 15 Mac 2020, saya sertai pementoran Spire namun selang tiga hari selepas itu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pula diumumkan.

"Ketika itu, RichWorks dan Dr. Azizan buat kelas setiap malam untuk menyokong para usahawan yang terkesan. Saya komited mengikutinya hingga 'muntah hijau' jadinya," cerita Nor Zam Zam mengimbas kembali situasi ketika awal Covid-19 melanda.



RM1 JUTA PERTAMA

Dipendekkan cerita, bisnesnya semakin berkembang hingga beliau dan rakan kongsi mengambil keputusan untuk berpindah ke Sentul, Kuala Lumpur bagi mendapatkan pejabat yang lebih selesa dan strategik.

"Rezeki saya dan rakan apabila mendapat pelabur luar yang sanggup membantu memberi kemudahan bayaran secara ansuran bagi kos pengubahsuaian pejabat di Sentul.

"Bukan itu saja, kami juga telah melebarkan sayap ke Kulai, Johor dan sedang dalam proses penambahaikan prasarana ibu pejabat di Kota Fesyen- MITC, Melaka yang mana majoriti staf operasi bertempat di sana," jelasnya.

Dari pada hanya RM400,000 pada 2020, jualan perniagaan beliau meningkat

kepada sekitar RM800,000 sebelum berjaya cecah RM1.3 juta pada tahun lalu.

"Selepas itu, kami menerima seorang ahli lembaga pengarah yang berpengalaman dalam bahagian teknikal di tahap C-Suite dari syarikat besar yang membantu mengembangkan bisnes yang sedang dijalankan.

"Semua itu tidak akan berjaya diperoleh jika tiada ilmu. Sebenarnya banyak ilmu diterima dalam SPIRE namun kita kena pandai pilih dan sesuaikan mengikut keadaan bisnes kita. Jangan lakukan semuanya serentak, takut tak terkejar nanti.

"Lain bisnes, lain modelnya. Namun, apa yang pasti asas bisnes perlu diperkuuhkan dahulu agar lebih mudah untuknya berkembang," jelasnya.

NAK UBAH HIDUP



SPIRE
RICHWORKS
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

B612

EFP

entrepreneur
foundation program

Panduan Asas Untuk Semua Usa



3

PESANAN

1

PERTAMA, PERLUKAN MENTOR YANG TERBUKTI BERJAYA

“Sebelum dibimbing, macam-macam telah dibuat tapi tak capai apa disasarkan. Dr. Azizan dan RichWorks terbukti mampu bantu usahawan bukan saja untuk bisnes berkembang malah bantu merealisasikan impian masing-masing,” kongsinya.

2

Kedua, ‘trust the process’

Setiap bisnes itu berbeza dan *driver* yang menjalankannya juga ada kemampuan yang berlainan.

“Lambat bukan bermakna anda tidak hebat, tetapi mesti ada perkara perlu diperbaiki dan ditambah baik lagi,” ujarnya.

3

KETIGA, PERLU BERANI DAN YAKIN YANG ANDA AKAN BERJAYA

“Sewaktu saya sedang *struggle*, saya jadi tidak percaya yang saya boleh berjaya.

“Masuklah kelas NUH, bersihkan dan betulkan pemikiran. Berani melabur untuk kejayaan dan insya-Allah kita tidak akan duduk diam. Asbab dalam *circle* yang betul, saya banyak belajar ‘do’s & don’ts’ sesebuah pengurusan syarikat mengikut keupayaan,” maklumnya sebelum mengakhiri perbualan.

BUSINESS TALK



5 JENAMA FESYEN MEWAH PALING POPULAR DI DUNIA

Satu kajian baru telah mendedahkan bahawa Louis Vuitton adalah jenama mewah paling popular di dunia.

Jenama Perancis yang terkenal itu mendapat tempat teratas dalam penyelidikan terkini oleh Ubuy, platform beli-belah antarabangsa dan pasaran global yang popular untuk barang mewah.

Kajian itu telah menganalisis 100 jenama paling terkenal dan berprestij di dunia mengikut lima metrik berbeza, termasuk carian global, jumlah klik ke laman web global, hasil, pengikut media sosial dan penglibatan sosial.

Menerusi kaedah ini, penyelidik dapat menentukan carta bagi jenama mewah teratas di dunia mengikut minat orang ramai dan tarikan pengguna.

Dengan ramalan industri mewah global akan berkembang dengan stabil dalam beberapa tahun akan datang dan meningkat enam peratus setiap tahun menurut beberapa pakar, penemuan itu nampaknya mengesahkan bahawa minat pengguna terhadap jenama mewah tidak pernah berkurangan.

Jadi jenama mewah manakah yang berjaya dan adakah label mewah pilihan anda dalam senarai?

Jom kita lihat 5 jenama mewah paling popular di dunia menurut kajian yang telah dijalankan.

1 LOUIS VUITTON

Dengan senarai pelanggan *A-list*, Louis Vuitton (LV) sememangnya sangat sinonim dengan lambang kemewahan. Terkenal dengan barang kulit mewah dan koleksi sedia untuk dipakai, LV menjadi carian bulanan (8.3 juta) dan klik ke laman web (15.5 juta) paling tinggi berbanding jenama lain. Pada tahun 2022 sahaja, Louis Vuitton telah mencatatkan jualan lebih AS\$18.6 bilion.

2 DIOR

Jenama mewah kedua paling popular di dunia ialah Dior. Ikon industri ini menarik minat para fashionista dengan ciptaan '*haute couture*' serta rangkaian produk yang luas termasuk aksesori, wangian dan kosmetik. Dior merekodkan pendapatan tertinggi daripada mana-mana jenama fesyen mewah yang lain dan meraih AS\$74.6 bilion tahun lalu.

3 GUCCI

Sebagai jenama ketiga paling popular di dunia, jenama dari Itali ini terus memikat hati pengguna seperti yang ditunjukkan oleh jumlah carian tinggi syarikat yang konsisten. Hampir 4.7 juta carian bulanan dan menjadi jenama mewah kedua tertinggi, selepas LV.

4 CHANEL

Sebagai inovator di sebalik "the little black dress", tidak menghairankan jika Chanel diletakkan di tempat yang tinggi dalam senarai. Beg tangan berkuil jenama fesyen dari Paris itu adalah tas wajib yang dimiliki oleh penggemar fesyen mewah dalam almari mereka.

Chanel juga mempunyai pengikut media sosial terbesar berikutan dalam senarai ini iaitu lebih 56 juta pengikut.

5 ROLEX

Jenama jam dari Switzerland ini telah menetapkan *standard* yang tinggi dalam pertukangan jam tangan.

Ia termasuk dalam senarai lima teratas disebabkan kadar penglibatan yang lebih tinggi daripada purata berbanding kebanyakan jenama mewah lain. Terkenal dengan jam tangan yang menakjubkan dan kualiti yang sempurna, tiada cara yang lebih baik untuk menandakan kejayaan anda daripada memakai salah satu aksesori ikonik ini.



Anjuran Bersama

RICHWORKS®
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

media prima

10X BINA BISNES BERJAYA 2023

2-3 SEPTEMBER 2023
IDCC, SHAH ALAM

KUASAI
PEMASARAN DAN
STRATEGI
MENARIK PELANGGAN



DATUK
WIRA
**DR. AZIZAN
OSMAN**

SEAT TERHAD

DAFTAR SEKARANG

binabisnesberjaya.com



EKSKLUSIF!

GERAN BIMBINGAN PERNIAGAAN BERNILAI RM3 JUTA


DALAM

Klinik Usahawan SIRI **BINA BISNES BERJAYA**

Sesi Transformasi Perniagaan
untuk Usahawan SME



DATUK WIRA
DR AZIZAN OSMAN
MenThor Usahawan Jutawan



**Buku Untuk Usahawan
Bakal Jutawan!**



**Sesi Penilaian Perniagaan
Anda berharga RM497**

100% PERCUMA

DITAJA OLEH RICHWORKS

Mohon di: richworks.com/satujutapertama



PENAFIAN: Nasihat yang diberikan dalam majalah ini merupakan nasihat secara am. Ia disediakan tanpa mengambil kira objektif, situasi kewangan atau keperluan anda. Sebelum melakukan tindakan, anda perlu menilai kesesuaian nasihat diberikan mengikut situasi & keperluan masing-masing.